



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 DISEMBER 2021 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

17 DISEMBER 2021 (JUMAAT)

Harga ayam turun hingga RM7 sekilogram di Kelantan



HARGA ayam di Kelantan menunjukkan penurunan ketara sehingga RM7 sekilogram. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Harga ayam di Kelantan menunjukkan penurunan ketara sehingga RM7 sekilogram, berbanding lebih RM10 sekilogram sebelum ini.

Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kelantan, Adnan Abd. Rahman mengesahkan perkara itu selepas pemantauan berterusan dilakukan pihaknya beberapa hari lalu.

Katanya, peniaga barang basah di negeri Kelantan memberi kerjasama baik kepada kementerian apabila menyahut seruan menjual harga barang asas seperti ayam dan sayuran dengan harga rendah.

Katanya, sebelum ini kerajaan menetapkan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia pada harga RM9.30 bagi sekilogram ayam.

"Berdasarkan pemantauan, kita tengok harga ayam di Kelantan bukan sahaja dijual

pada harga ditetapkan itu, malah ada peniaga yang menyahut seruan kita dengan menjual ayam pada harga RM6.99 sekilogram. Ini satu perkembangan baik dan amat dialu-alukan.

"Dengan penurunan ini, kita lihat harga barang basah yang mahal sebelum ini hanya bersifat sementara," katanya dalam Program Jelajah Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) di K'Mart Kesedaran, di sini semalam.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Gua Musang, Mohd. Koma Shapii dan Pengurus Kesedaran Wilayah Gua Musang, Mohd. Ramadhan Sulaiman.

Program jelajah KBBM di Gua Musang adalah yang ketiga diadakan di Kelantan selepas Kota Bharu dan Pasir Mas.

Program itu adalah inisiatif untuk memulihkan ekonomi golongan peniaga industri kecil dan sederhana (IKS) yang terkesan teruk selepas penularan pandemik Covid-19 sejak Mac tahun lalu.

Dikompaun guna alat timbang tamat tempoh

IPOH – Dua buah premis makanan di sini kelmarin dikompaun selepas didapati menggunakan alat timbang tamat tempoh dan gagal menentusahkan alat itu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak, Dottie Azlina Ismail berkata, hasil pemeriksaan mendapati, dua premis itu melakukan kesalahan berkaitan alat timbang dan tindakan kompaun telah dibuat mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Ini adalah langkah proaktif yang diambil KPDNHEP bagi melindungi pengguna supaya apa yang mereka bayar itu adalah seperti dinyatakan.

"Apabila guna alat timbang, pengguna tidak tahu sama ada timbangan itu betul atau tidak," katanya kepada pemerita selepas menjalankan Op Menu dan Op Samar di premis menyediakan makanan sedia masak dan hasil laut sekitar Ipoh semalam.

Operasi bermula pukul 8 malam itu disertai 21 pegawai dan anggota KPDNHEP Perak.



DOTTIE AZLINA memeriksa harga makanan di premis makanan yang diperiksa pada Op Menu dan Op Samar di sekitar Ipoh, semalam.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 17/12/2021
M/SURAT : 16

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KEMEPEN BELI
BARANGAN
MALAYSIA

#barangbaikbarangkit

BUATAN MALAYSIA
MADE IN MALAYSIA

Jom
Sokong
dan *Beli*

www.kpdnhep.gov.my

@kpdnhep KPDNHEP TV

The poster features the Malaysian coat of arms at the top. Below it is the text 'KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA'. The central focus is the logo for 'KEMEPEN BELI BARANGAN MALAYSIA', which includes a stylized arch and the tagline '#barangbaikbarangkit'. Below this is the Malaysian flag and the text 'BUATAN MALAYSIA MADE IN MALAYSIA'. The main slogan 'Jom Sokong dan Beli' is written in a large, flowing font. At the bottom, there is a graphic of a smartphone displaying a couple, with various Malaysian products like shoes, bags, and food items floating around it. Social media icons for Twitter, Instagram, Facebook, and YouTube are at the bottom, along with the website 'www.kpdnhep.gov.my' and the channel name 'KPDNHEP TV'.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 17/12/2021
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan			
Ayam	RM7.99	Telur Gred A	RM12.60
Daging Lembu Tempatan	RM45	Ikan Kembung	RM12.90
Daging Lembu Import	RM28	Minyak Masak	RM6.55
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM2.89
Bawang Putih	RMS.50	Cili Merah	RM10.99
Kubis Bulat Tempatan	RM6	Tepung Gandum	RM2.25

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP